

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 9 MAC 2017

RUJUKAN : 9612

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perkembangan terkini mengenai Daesh atau IS dan lain jenis ekstremis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ancaman dan tahap atau pengaruh kumpulan militan terutama Daesh di negara ini merupakan satu realiti yang boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung di peringkat awal. Oleh yang demikian, usaha memerangi kegiatan militan Daesh merupakan keutamaan bagi Kerajaan Malaysia.

Sepanjang tempoh 2010 sehingga 22 Februari 2017, seramai 398 orang telah ditahan di bawah kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan dan kesalahan-kesalahan keselamatan yang membabitkan 271 orang ahli kumpulan pengganas Daesh dan selebihnya kumpulan pengganas lain. Daripada jumlah tersebut, seramai 25 orang ditahan pada tahun 2010, 41 orang pada tahun 2011, 9 orang pada tahun 2012, 11 orang pada tahun 2013, 75 orang pada tahun 2014, 104 orang pada tahun 2015 dan 126 orang pada tahun 2016. Manakala seramai 7 orang telah ditahan dari 1 Januari hingga 22 Februari 2017.

Pada masa sama, pihak Polis juga telah berjaya menggagalkan 15 percubaan melancarkan serangan oleh kumpulan militan Daesh sejak Februari 2013. Ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan untuk membendung elemen kumpulan pengganas Daesh daripada terus berkembang dan mengancam keselamatan negara.

Merujuk kepada insiden pada 28 Jun 2016 di Puchong yang telah mencederakan seramai 8 orang awam, Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu diambil demi menjamin kedaulatan negara dan keselamatan rakyat secara amnya.

Berdasarkan kepada beberapa peristiwa serangan pengganas pada masa ini, Kerajaan juga telah meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti kawasan pelancongan, kepentingan negara asing dan sasaran penting. Kawalan keselamatan dilaksanakan menerusi konsep “Strategi Lautan Biru Kebangsaan” melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan terutamanya PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa sama, kawalan di semua pintu masuk utama dan sempadan negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan antaranya penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia dengan melaksanakan operasi dan tangkapan dari semasa ke semasa.